

10/09/2000

PSM tidak perlu tunggu campur tangan menteri

Razali Yahya

BARU-BARU ini arena sukan tanahair dikejutkan dengan berita penggantungan serta merta empat pemain sepak takraw daripada menyertai sebarang kejohanan kerana didapati positif mengambil ganja dan ubat kuat ketika bertanding pada kejohanan tempatan musim ini.

Kita mengucapkan syabas kepada Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) yang bertindak menggantung pemain-pemain terbabit berkuat kuasa serta merta. Ia adalah satu langkah bijak dan tepat dalam usaha kita membanteras gejala penggunaan pelbagai ubat terlarang dalam sukan tanahair.

Umum mengetahui bahawa segala bentuk penggunaan bahan terlarang seperti dadah, ganja dan sebagainya dalam apa juga bidang adalah tidak baik dan dilarang oleh agama. Mengapa ianya dilarang keras? Jawapannya cukup mudah. Ini kerana mereka yang terbabit dengan bahan terlarang itu bukan sahaja membahayakan diri sendiri malah memberikan imej mendalam kepada sesebuah negara.

Sesebuah negara itu akan berada dalam kepincangan dan turut menyaksikan kecelaruan hidup rakyatnya apabila belia-belia mereka sudah ketagih terhadap bahan-bahan terlarang itu. Bila ketagihan itu sampai ke tahap meruncing dan menjadi masalah paling besar, bermakna negara berkenaan sekali gus berada di ambang kemusnahan.

Apakah kita mahu membiarkan belia-belia kita terus jadi penagih atau lebih popular disebut 'mayat hidup', yang langsung tidak berperanan ke arah menyumbang sesuatu yang bermakna kepada negara tercinta? Tentu sekali, kita tidak merelakan ianya terus menjadi wabak yang boleh memusnahkan keharmonian Malaysia.

Sebab itulah, semua pihak dituntut mengembleng tenaga untuk memastikan negara kita bersih daripada gejala berkenaan. Bukan kita sahaja, ibu bapa atau penjaga, malah kerajaan sendiri sudah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memerangi salahguna dadah.

Dalam kempen-kempen yang dijalankan, baik melalui radio, tv, akhbar atau poster, penyalahgunaan dadah itu dibenci dan dikutuk habis-habisan. Filem-filem yang menimbulkan kebencian kepada kelakuan menghisap dadah itu ditayangkan sepanjang masa. Malah, nyanyian juga dicipta seperti 'kami antidadah, kami benci padamu'. Semuanya ini untuk apa? Untuk memastikan negara kita bersih daripada najis terkutuk itu.

Lebih daripada itu, pemimpin-pemimpin kita pula menyifatkan dadah sebagai musuh negara nombor satu. Ini jelas, semasa kempen anti dadah masih hangat, isu komunis sudah jatuh sebagai musuh nombor dua negara ketika itu. Ini menunjukkan kerajaan serius dan tidak akan bertolak ansur untuk membanterasnya sehingga ke akar umbi.

Sebab itulah, ketika semua orang asyik membicarakan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; kita sememangnya terkejut dengan berita ahli sukan kita khususnya pemain sepaktakraw terbabit dengan penggunaan dadah.

Memang pelik. Nampaknya berita mengenai beberapa ahli sukan luar negara dikenakan tindakan keras akibat penggunaan ubat terlarang termasuk dadah yang banyak kali disiarkan di akhbar, tidak menakutkan ahli sukan kita. Mereka semacam tidak ambil peduli kerana bagi mereka pengambilan dadah boleh membantu kekuatan mereka dalam acara yang disertai.

Kita memang akur itu semua. Ini kerana sesetengah ubat kuat yang digunakan oleh ahli sukan dapat menambahkan lagi kekuatan. Dari segi jangka pendek, ianya memang berkesan. Banyak ahli-ahli sukan dunia yang

berjaya dalam kejohanan antarabangsa kerana bantuan ubat yang dilarang. Apabila ujian dibuat dan didapati positif, mereka bukan sahaja memalukan nama baik negara, lebih aib lagi pingat yang dimenangi terpaksa dirampas.

Berbalik kepada kes pemain sepak takraw ini, mujurlah kita cepat mengesan penggunaan ubat terlarang termasuk dadah yang digunakan oleh pemain di peringkat kejohanan tempatan anjuran PSM. Bayangkanlah, jika perkara ini berlaku dalam kejohanan berprestij seperti Sukan SEA atau Sukan Asia, alangkah malunya Malaysia di mata negara-negara lain.

Namun begitu, kita tidak senang dengan sikap kurang peka PSM yang lambat bertindak terhadap pemain sekalipun didapati positif menggunakan bahan larangan dalam ujian air kencing yang dijalankan ketika beraksi dalam GP musim ini. Sikap sambil lewa PSM itu mengundang berang beberapa pegawai persatuan negeri yang mahu badan induk itu bertindak menghukum pemain terbabit lebih-lebih lagi pusingan keempat Grand Prix Kebangsaan Terbuka Melaka akan bermula dalam beberapa hari lagi.

Prosedurnya cukup mudah. PSM sepatutnya bertindak cepat dengan mengadakan segera mesyuarat majlis bagi membincangkan serta mengambil sebarang tindakan berhubung masalah itu. Keputusan Presiden PSM, Datuk Saidin Tamby menyerahkan kepada Jawatankuasa Disiplin untuk mengambil tindakan adalah kurang bijaksana seolah-olah dia tidak komited menangani masalah itu.

Akibatnya, PSM ditempelak Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein yang memberikan amaran serta menyifatkan pihaknya tidak akan berkompromi dalam menangani masalah penggunaan dadah dalam sukan negara. Seterusnya menteri yang sudah berang itu mahukan PSM menyelesaikan masalah penggunaan ganja di kalangan pemain secepat mungkin sekiranya tidak mahu dikenakan tindakan penggantungan.

Apa yang menghairankan, sebaik digertak menteri, barulah Saidin cepat-cepat bertindak dan terus menggantung pemain terbabit. Kita memang pelik dengan gelagat pegawai PSM. Kenapa harus tunggu menteri campur tangan, baru mahu bertindak? Ia adalah tanggungjawab pegawai-pegawai tertinggi PSM untuk membuat keputusan. Jadi, tidak perlu tunggu lampu hijau menteri, baru hendak buat keputusan. Cukup lemah.

Dalam soal ini, kita memandang serius mengenai gejala penggunaan dadah lebih-lebih lagi dalam sukan dan tidak mahu ada pihak yang cuba lari, sebaliknya harus bekerjasama dan bertanggungjawab membanterasnya. PSM sewajarnya membuat laporan rasmi kepada Polis bagi membolehkan siasatan menyeluruh dilakukan untuk membanteras gejala itu. Biar pihak polis bertindak supaya ianya menjadi pengajaran kepada ahli sukan yang lain. Ini kerana kita tidak mahu perkara seumpama ini terus menular dan menjadi barah yang tidak dapat dibendung lagi.

(END)